

Headline	Galeri 10 jenis kayu Malaysia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	324,097
Page No	8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	487 cm ²
Journalist	Omar Ahmad	AdValue	RM 17,917
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,751



Galeri 10 jenis kayu Malaysia

■ Binaan guna aplikasi glulam bermatlamat galak teknik perekatan

Oleh Omar Ahmad

am@mediaprima.com.my

Johor Bahru

Pembinaan Galeri Glulam diharap mampu memacu proses pembuatan bangunan kayu berasaskan gabungan pelbagai jenis kayu menerusi proses perekatan atau Glued Laminated Timber (Glulam) di Malaysia.

Galeri dibina di atas tanah milik Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MITB) seluas 1.9 hektar di Jalan Tampoi, berhampiran Ungku Mohsin, di sini, membabitkan kos RM24 juta adalah yang pertama di dunia yang mengaplikasikan glulam daripada kayu keras Malaysia.

Walaupun teknik dan kaedah glulam sudah lama diperluaskan di negara maju seperti Jerman, Perancis, Australia, Amerika Syarikat, New Zealand dan Jepun, produk glulam masih belum dikomersialkan secara meluas khususnya dalam industri pembinaan struktur yang menggunakan kayu tempatan.

Ketua MITB Negeri Johor Abdul Rafa Tan berkata, dengan adanya galeri glulam ia mampu memberi keyakinan dan galakan kepada arkitek, jurutera, kontraktor serta pemaju bagi mengaplikasikan glulam dalam sektor pembinaan.

Katanya, pembuatan glulam dihasilkan sepenuhnya oleh syarikat kontraktor pembinaan Bumiputera dari Johor, malah ujian kelenturan kayu dilakukan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM); Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM); Jabatan Kerja Raya (JKR); Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Bagi dekorasi, galeri ini menggunakan sepuluh jenis kayu iaitu kayu kekatong; kempas; balau; merbau; nyatoh; mata ulat; belian; keranji dan komposit untuk lantai.

“Galeri ini bukan saja

menggunakan sembilan jenis kayu komersial tempatan dalam dekorasi dan struktur, malah mempamerkan 60 jenis contoh kayu komersial lain yang terdapat di negara ini.

“Kami turut memperlihatkan Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang diguna pakai untuk penyambungan pasang siap bagi struktur utama bangunan galeri ini,” katanya.

Menurutnya, struktur utama galeri menggunakan kayu jenis resak dan keruing, manakala bumbung dari kayu belian membabitkan lebih 350,000 keping untuk tiga bumbung dewan.

Katanya, pihaknya turut mempamerkan ruang pameran mini merangkumi hasil kayu seperti gaharu yang boleh menghasilkan kopi dan minyak wangi, selain peralatan perabot seperti kerusi dan meja.

Galeri itu dibuka kepada orang ramai setiap hari ke-


cuali Sabtu dan Ahad bermula jam 8 pagi hingga 5 petang secara percuma.

Menurut Abdul Rafa, sejak perasmian Galeri Glulam pada 22 Mei tahun lalu oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hingga hujung Ogos lalu, lebih 40,000 orang mengunjungi galeri berkenaan.

“Sebelum pembukaan rasmi galeri ini sudah dikunjungi pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta, institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam dan luar negara.

“Selain bertindak memberikan maklumat dan pameran, kami juga mempamerkan perabot kayu dan penggunaan jenis kayu, spesifikasi dan pengeluaran produk kayu kepada pengguna, pelajar dan industri berasaskan kayu tempatan dan antarabangsa,” katanya.

Headline	Galeri 10 jenis kayu Malaysia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	324,097
Page No	8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	487 cm ²
Journalist	Omar Ahmad	AdValue	RM 17,917
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,751



“ Galeri ini bukan saja menggunakan sembilan jenis kayu komersial tempatan dalam dekorasi dan struktur, malah mempamerkan 60 jenis contoh kayu komersial lain”
Abdul Rafa Tan

Headline	Galeri 10 jenis kayu Malaysia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	324,097
Page No	8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	487 cm ²
Journalist	Omar Ahmad	AdValue	RM 17,917
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,751



CONTOH kayu komersial terdapat di Malaysia ini dipamerkan.

HASIL daripada kayu gaharu turut dipamerkan.

STRUKTUR utama glulam dari kayu resak dan keruing pada tulang bumbung.



GALERI Glulam dibina di kawasan seluas 1.9 hektar.